

19/01/2002

PM ulangi ingatan supaya Melayu tambah ilmu

ALOR STAR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir mengulangi ingatannya kepada Bumiputera, khususnya Melayu supaya berusaha meningkatkan ilmu dan kecekapan bagi menyaingi kaum lain yang sudah berjaya.

Perdana Menteri berkata, ia perlu kerana mereka tidak boleh terus mengharapkan kerajaan untuk membantu mereka.

"Hari ini kita bernasib baik kerana kerajaan bersimpati membantu kita dan memberi peluang serta keutamaan kepada orang Melayu, tetapi ini bukanlah sesuatu yang kita fikir akan kekal.

"Mungkin suatu hari, kita tidak lagi menerima bantuan daripada kerajaan. Mungkin kita mempunyai kerajaan tidak bersimpati dengan orang Melayu dan mereka tak akan dapat bantuan," katanya pada majlis ramah mesra Perdana Menteri dengan pegawai kerajaan daerah Kubang Pasu di Institut Perguruan Darul Aman, di Jitra, hari ini.

Katanya, kerajaan sudah berkali-kali mendesak, memujuk dan merayu, supaya rakyat rajin berkerja dan tekun menguasai ilmu, tetapi masih ada yang tidak begitu berkerja kuat atau menuntut ilmu.

Sebaliknya, mereka mahu supaya orang lain turut disekat daripada menguasainya, sedangkan ia tidak mungkin berlaku kerana orang lain akan menuntut ilmu di mana saja.

"Jika tidak boleh (menuntut ilmu) di negara sendiri, mereka akan pergi ke negara lain. Akhirnya kita (orang Melayu) masih ketinggalan. Kita cukup kebolehan, tidak ada kurang satu pun pada orang Melayu, orang Cina atau India," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, rakyat negara ini dapat hidup dengan sempurna berikutan kecekapan dan keupayaan kerajaan yang memerintah, sesuatu yang mungkin tidak dapat dilihat di negara tertentu.

"Sebab itulah, ramai rakyat dari negara lain khususnya negara jiran datang ke Malaysia untuk mencari kerja," katanya.

Ketika sesi dialog, Dr Mahathir berkata, kakitangan awam tidak sepatutnya mempersoalkan jumlah gaji yang mereka perolehi kerana kepuasan hasil kerja adalah yang lebih penting.

Perdana Menteri berkata, beliau sendiri hanya menerima RM16,000 sebulan, sedangkan pekerja lain termasuk di agensi milik kerajaan, menerima jumlah pendapatan jauh lebih tinggi.

"Saya sendiri kadang kala rasa tidak puas hati mengapa gaji saya (sebagai Perdana Menteri) hanya RM16,000 ketika orang bawahan saya beroleh pendapatan yang lebih," katanya menjawab soalan seorang pegawai kerajaan yang bertanya mengapa guru menerima kenaikan gaji lebih cepat berbanding kakitangan awam lain.

Dr Mahathir juga memberikan contoh Ketua Pegawai Eksekutif Petronas (Tan Sri Hassan Merican) yang memanggilnya 'tuan' sedangkan beliau menerima RM50,00 sebulan.

"Adakah anda fikir gaji saya patut apabila saya bekerja 24 jam sehari, kadang-kadang 25 jam... mereka sepatutnya bagi saya lebih, lebih sedikitlah, mungkin RM16,500, sebab tak adil kenapa orang lain boleh dapat lebih," katanya.

(END)